

Hikmah, bijak strategi pandu kejayaan agenda reformasi institusi

• Setiap dasar atau reformasi menyentuh soal perundangan atau struktur kuasa Pusat perlu dapat persetujuan rakan gabungan wilayah terbabit, sejajar prinsip 'melengkapi Persekutuan'

• Menjaga kestabilan politik bukan bertentangan dengan idealisme reformasi, tetapi syarat utama supaya perubahan boleh bertapak dan bertahan



Oleh Prof Dr Zaid Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada majlis pelancaran 'Centre of Excellence for Research and Innovation in Islamic Economics' (I-RISE) pada 10 Jun lalu menggariskan satu prinsip penting dalam pelaksanaan reformasi, iaitu perlunya hikmah.

Perdana Menteri menyatakan: *You can move now and you'll be thrown out tomorrow. So, it has to be with wisdom - bil hikmah means a lot, not only in how you profess, but how you act.*

Beliau sekali gus menegaskan transformasi tidak boleh dilakukan secara terburu-buru tanpa mempertimbangkan kapasiti politik, sokongan elit, kekangan institusi dan keperluan membina konsensus.

Perbincangan mengenai reformasi institusi di Malaysia ini penting kerana ia sering menjadi medan pertembungan antara idealisme dan pragmatisme.

Sejak pembentukan Kerajaan Perpaduan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), pelaksanaan agenda reformasi oleh Perdana Menteri dikritik sebagai perlahan.

Namun, seperti dijelaskan beliau, Malaysia kini diperintah kerajaan campuran terdiri daripada pelbagai parti dengan latar ideologi dan kepentingan berbeza antara Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS).

Pendekatan berhikmah satu keperluan

Dalam amalan sistem Westminster, keputusan dasar memerlukan konsensus Kabinet serta kelulusan Parlimen. Oleh itu, agenda reformasi tidak boleh dilaksanakan secara unilateral.

Seperti dijelaskan Lijphart dalam bukunya, *Patterns of Democracy: Government Forms and Performance in Thirty-Six Countries*, dalam

demokrasi kebersamaan, kerjasama politik yang luas menuntut amalan rundingan dan kompromi untuk mengekalkan kestabilan.

Justeru, pendekatan Perdana Menteri menekankan hikmah untuk reformasi perlu dilihat sebagai satu keperluan dalam memastikan kesinambungan pemerintahan dan pengukuhan institusi.

Tidak wajar untuk menuduh konsep hikmah digunakan bagi menjelaskan pendekatan reformasi secara bertahap sebagai satu helah politik. Ini kerana dalam epistemologi politik Islam, hikmah merujuk kepada kebijaksanaan menentukan masa dan cara terbaik untuk bertindak.

Ibn Khaldun dalam kitabnya, *Muqaddimah* menyatakan perubahan institusi perlu mengambil kira tahap kematangan masyarakat dan struktur sosial. Tindakan terburu-buru menukar sistem atau undang-undang tanpa kesiapsiagaan institusi akan membawa kepada kegagalan.

Dalam konteks ini, hikmah adalah kebijaksanaan dalam menyesuaikan idealisme dengan realiti, satu bentuk '*fiqh al-waqi*' yang menuntut kebijaksanaan berstrategi, bukan sekadar keberanian bertindak.

Malaysia sebagai negara Persekutuan juga meletakkan Sabah dan Sarawak dalam kedudukan autonomi tertentu seperti termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Oleh itu, setiap dasar atau reformasi menyentuh soal perundangan atau struktur kuasa Pusat perlu mendapat persetujuan daripada rakan gabungan wilayah terbabit, sejajar prinsip 'melengkapi Persekutuan'.

Menuduh Perdana Menteri mengamalkan 'kelangsungan politik' kerana tidak melaksanakan reformasi secara pantas adalah suatu tanggapan mudah terhadap dilema pemerintahan dalam demokrasi. Dalam sistem berparlimen, kelangsungan politik adalah pra-syarat kepada pelaksanaan agenda jangka panjang.

Malaysia pasca-2018 menyaksikan tiga pertukaran Perdana Menteri dalam masa singkat, melemahkan keyakinan rakyat dan pelabur

terhadap konsistensi dasar kerajaan.

Oleh itu, pendekatan berhati-hati dan pragmatik Perdana Menteri hari ini perlu difahami dalam kerangka pemulihan kepercayaan institusi. Tindakan berstrategi bukan pengabaian terhadap reformasi, tetapi satu bentuk tadbir urus berhemah yang bertanggungjawab.

Menjaga kestabilan politik bukan bertentangan dengan idealisme reformasi, tetapi syarat utama supaya perubahan boleh bertapak dan bertahan.

Seperti mana disebut dalam ucapannya: *"What I am certain is that every month and every year there must be some progression."*

Reformasi bukan acara pecut 100 meter, tetapi larian jarak jauh memerlukan stamina politik, kepercayaan rakyat dan strategi matang kerana ia membabitkan perubahan rundingan bersama.

Pendekatan Perdana Menteri yang mengutamakan hikmah dalam pelaksanaan reformasi mencerminkan kesedaran beliau terhadap struktur kuasa sebenar dan realiti sosiopolitik Malaysia.

Iktibar di Chile, Arab Spring

Salvador Allende, seorang tokoh berhaluan kiri, menjadi Presiden Chile pada 1970 melalui pemilihan demokrasi. Beliau membawa visi 'sosialisme dengan kebebasan'.

Kesilapan strategik beliau ialah melaksanakan pelan nasionalisasi industri, pembaharuan tanah dan kawalan harga dalam masa singkat tanpa memastikan kestabilan ekonomi dan politik.

Beliau gagal mendapatkan sokongan menyeluruh daripada tentera, sektor swasta dan Amerika Syarikat (AS) yang melihat langkah beliau sebagai ancaman kepada kapitalisme.

Akibatnya, krisis ekonomi melanda Chile, inflasi melonjak dan berlaku mogok besar-besaran. Pada 11 September 1973, Allende digulingkan melalui rampasan kuasa tentera. Allende meninggal dunia dalam serangan itu dan menjadi simbol tragedi reformasi tanpa perhitungan struktur kuasa sebenar.

Lebih mutakhir, perkara sama pernah berlaku dalam era 'Arab Spring' yang mana idealisme reformasi gagal kerana kehilangan konsensus dan institusi yang kukuh.

Mohamed Morsi menjadi Presiden Mesir pada 2012 selepas Revolusi Arab Spring menumbangkan Hosni Mubarak. Beliau calon dari Ikhwanul Muslimin, gerakan Islam politik yang sudah lama ditekan di bawah pemerintahan sebelumnya.

Kesilapan strategik beliau ialah berusaha melaksanakan agenda Islamisasi dalam tempoh singkat tanpa membina kerjasama politik kukuh dengan tentera, golongan sekular, minoriti Kristian Koptik dan elit birokrasi.

Pada Julai 2013, beliau digulingkan melalui rampasan kuasa tentera diketuai Jeneral Abdel Fattah al-Sisi. Kegagalan Morsi menjadi simbol bagaimana reformasi tanpa hikmah boleh menyebabkan keruntuhan sistem demokrasi baru terbina.

Semua ini seharusnya diambil sebagai pengajaran kepada mereka yang mahukan 'reformasi segera' di Malaysia.

Pendekatan berhati-hati dan pragmatik Perdana Menteri hari ini perlu difahami dalam kerangka pemulihan kepercayaan institusi

